



# Hyundai-Sime Darby Motors kembang perkongsian pasaran

KULIM, Selasa — Hyundai-Sime Darby Motors Sdn. Bhd. menasarkan untuk mengembangkan bahagian pasaran INOKOM Truck kepada 20 peratus sepanjang tiga hingga lima tahun depan, didorong peningkatan pengeluaran model sedia ada dan pengenalan model trak baharu.

Ketua Operasi Kenderaan Komersil, Ng Lian Bee berkata, bahagian pasaran semasa INOKOM Truck adalah 11 peratus

dengan purata jualan tahunan kira-kira 1,600 unit.

“Kami menjangka permintaan yang lebih tinggi untuk kenderaan komersil kami dengan pengenalan model baharu,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri acara meraikan pengeluaran unit ke 10,000 Lorimas AU26 di sini, hari ini.

Beliau berkata, syarikat itu merancang menjual 1,400 unit INOKOM Truck tahun ini, daripada 1,000 unit tahun lepas,

sambil menambah ia akan memperkenalkan lebih banyak model trak Hyundai untuk memenuhi keperluan pelbagai perniagaan.

Ng berkata, syarikat itu merancang untuk memperkenalkan satu model baharu tahun ini. Katanya, syarikat itu, yang kini menduduki tempat kelima dalam senarai segmen empat roda selepas jenama-jenama Jepun, menasarkan untuk menjadi pendahulu dalam segmen ini.

“Saya yakin kami akan setaraf dengan jenama Jepun itu tidak lama lagi kerana kami menawarkan lebih banyak dari segi ciri-ciri premium moden dan teknologi enjin canggih.

Ng berkata, syarikat itu merancang untuk menaikkan taraf pusat-pusat servisnya sebagai pusat 3S.

INOKOM Truck mempunyai lebih 37 pengedar jualan berdaftar dan 40 pusat servis di seluruh negara. — Bernama



**PRIHATIN ...** Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Noh Omar ketika menyampaikan bantuan RM101,000 kepada salah seorang penerima usahawan Tekun kawasan Parlimen Silam dalam satu majlis penyampaian elaun sara hidup nelayan di Sabah, semalam. • Bernama